

PM: Bekerjasama hasilkan produk baru

UM 26 JUL 2001

PUTRAJAYA 25 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahukan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) bekerjasama rapat dengan universiti tempatan dan pusat penyelidikan bagi mencari idea menghasilkan produk baru yang berfaedah dan unik.

Perdana Menteri berkata, dengan wujudnya kerjasama yang rapat itu, beliau yakin Malaysia tidak akan terlepas daripada mendapat manfaat dalam era teknologi maklumat pada masa ini.

Katanya, Malaysia telah terlepas Revolusi Perindustrian yang menjadikan negara Eropah begitu maju dan oleh itu, tidak boleh melepaskan peluang di era teknologi maklumat yang baru bermula ini.

"Kita telah berjaya sedikit tetapi kita perlu beker-

jasama lebih rapat untuk membolehkan sesuatu benda seperti mikrochip membantu kita," katanya ketika berucap pada majlis taklimat MIGHT di sini hari ini.

Beliau memberi contoh bagaimana kad pintar pelbagai guna kerajaan (KP-PK) yang berasaskan teknologi mikrochip boleh dibangunkan di Malaysia dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Katanya, kad pintar buatan tempatan yang mempunyai sembilan fungsi itu merupakan yang pertama seumpamanya di dunia dan diperakui mempunyai ciri-ciri keselamatan yang terbaik.

Dr. Mahathir yang juga penaung MIGHT berkata, apa yang MIGHT perlu lakukan ialah mengenal pasti arah tujuhnya di samping membangunkan idea-idea dan produk baru un-

tuk membantu meningkatkan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan telah memberikan komitmen sepenuhnya untuk menjayakan MIGHT dan bersedia untuk terus membantu MIGHT menyelesaikan masalah mereka.

Beliau mengakui hubungan antara kerajaan dan sektor swasta tidak begitu baik pada masa lalu tetapi keadaan itu telah berlalu kerana kerajaan bergantung kepada sektor swasta sebagai sumber pendapatannya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, semua kejayaan negara perlu dikongsi bersama negara-negara lain terutama negara membangun.

"Kita perlu berkongsi kejayaan kita kerana kita percaya kepada situasi menang-menang. Apabila negara yang kita bantu berjaya, kita juga akan

mendapat manfaatnya kerana kita boleh memasarkan barangan kita.

"Perlu diingat bahawa Malaysia menduduki tangga ke-17 dalam senarai negara pengeksport di dunia dan sebab itu kita kena cari pasaran baru," katanya.

Dr. Mahathir berkata, negara membangun lain juga lebih selesa untuk mendapat bantuan daripada Malaysia kerana negara ini lebih memahami kesengsaraan mereka untuk memajukan negara berbanding negara yang telah lama maju.

Katanya, kewujudan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) adalah antara usaha Malaysia untuk membantu negara membangun menerusi pertukaran pengalaman.

Pada majlis itu, Dr. Ma-

hathir telah menerima Pelan Tindakan Farmaseutikal Malaysia daripada Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang akan menjadi asas kepada pembangunan industri farmaseutikal negara untuk jangka pendek, sederhana dan panjang.

Beliau turut menyaksi-

kan upacara pertukaran dokumen "Advanced Manufacturing Institute Malaysia" antara MIGHT dan Multimedia Technology Enhancement Operations (METEOR) Sdn. Bhd. dan juga pertukaran dokumen untuk projek nilai tambah untuk minyak sawit.

Pengerusi Bersama MIGHT (Kerajaan), Tan Sri Dr. Ahmad Zaharudin Idrus mengumumkan pelantikan Pengerusi Gas Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajudin Ali sebagai Pengerusi Bersama MIGHT bagi pihak Industri.